

# **Pengaruh *Tafsir al-Maraghi* Terhadap Penulisan Tafsir Melayu di Malaysia**

Amiratul Munirah binti Yahaya<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam Selangor

\*Pengarang Penghubung  
amiratul@salam.uitm.edu.my

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengaruh *Tafsir al-Maraghi* terhadap penulisan tafsir Melayu di Malaysia. *Tafsir al-Maraghi* karya Ahmad Mustafa al-Maraghi merupakan kitab tafsir aliran islah daripada Mesir. Metod penulisannya menggunakan pendekatan *al-Adab wa al-Ijtima'i* sebagaimana dipelopori oleh *Tafsir al-Manar*. Iaitu menghubungkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an dengan sosio-budaya masyarakat meliputi aspek akidah, politik dan kemasyarakatan. Corak pemikiran al-Maraghi banyak dipengaruhi oleh gurunya Muhammad Abduh dan Muhammad Rasyid Rida. Metod pengumpulan data menggunakan kajian perpustakaan dan kaedah temubual. Manakala metod analisis data menggunakan kaedah deduktif dan analisis dokumen melalui karya-karya tafsir. Hasil dapatan menunjukkan berlaku penyerapan idea-idea pembaharuan al-Maraghi dan aplikasi pendekatan *al-Adab wa al-Ijtima'i* dalam penulisan tafsir Melayu.

Kata Kunci: *Tafsir al-Maraghi*, Pengaruh, Idea pembaharuan, Penulisan tafsir Melayu

## **ABSTRACT**

This study aimed to identify the influence of *Tafsir al-Maraghi* in the Malay writing Quranic Exegesis in Malaysia. The *Tafsir al-Maraghi* written by Ahmad Mustafa al-Maraghi was greatly influenced by the thought of his teachers Muhammad Abduh and Muhammad Rasyid Rida. It was also influenced by the modern writings of Quranic Exegesis method in *Tafsir al-Manar*. This approach known *al-Adab wa al-Ijtima'i* integrated the interpretations of Quranic verses with society and current issues supported with scientific facts related to faith, politics and sociology. Data for this study were collected using library research and interviews. The collected data were analysed using deductive reasoning and document analysis. Finding of this study indicates that the al-Maraghi's reform ideas and method of tafsir in *Tafsir al-Maraghi* were disseminated among the Malay writings of Quranic Exegesis in Malaysia.

**Keywords:** *Tafsir al-Maraghi*, influence, reform ideas, Malay writing Quranic Exegesis

## 1. Pendahuluan

Penulisan tafsir Melayu di Malaysia bergiat aktif pada awal abad ke-20 ketika pengaruh islah dari Timur Tengah menyerap masuk ke Tanah Melayu melalui para pelajar lulusan universiti Mesir. Perkembangannya selari dengan pertumbuhan institusi madrasah di Tanah Melayu (Mustaffa, 2012). *Tafsir al-Maraghi* karangan ulama' Mesir aliran Madrasah Abduh iaitu Ahmad Mustafa al-Maraghi (1883-1952)<sup>1</sup> memberikan sumbangan yang besar dalam mencorakkan bentuk penulisan tafsir Melayu melalui pendekatan *al-Adab wa al-Ijtima'i* iaitu menghubungkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an dengan sosiobudaya masyarakat. Sebahagian karya tafsir Melayu di Malaysia dipengaruhi oleh pemikiran islah al-Maraghi melalui karya tafsirnya (Amiratul, 2015). Berikut penulisan tafsir Melayu terawal dihasilkan di Malaysia antaranya *Tafsir Nur al-Ihsan* 30 juz karangan Muhammad Said bin Omar dari Kedah terbitan 1927, diikuti *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* 27 penggal (juz) karya Mustafa Abdul Rahman dari Perak, juz pertama hingga kelapan diterbitkan pada 1949. *Tafsir al-Rawi Juzu 'Ammu* tulisan Haji Yusof bin Abdullah al-Rawi pula dari Pulau Pinang terbitan 1951 (Ismail, 1995).

---

<sup>1</sup> Al-Maraghi berasal dari sebuah bandar al-Maraghah dalam daerah Jurja di negeri Sa'id yang terletak di selatan Mesir. Beliau dilahirkan pada 10 Oktober 1883, memiliki 8 adik-beradik lelaki antaranya mantan Shaykh al-Azhar Muhammad Mustafa al-Maraghi (1881-1945). Ahmad Mustafa al-Maraghi berguru dengan Muhammad Abduh dalam kuliah tafsir di Universiti al-Azhar dan Muhammad Rasyid Rida melalui penulisan *Tafsir al-Manar*. Beliau menuntut ilmu di Universiti al-Azhar selama 8 tahun dan 4 tahun berikutnya tamat pengajian di Universiti Kaherah pada 1909. Kemudian mengajar di beberapa buah sekolah menengah di Iskandariyyah, Asyut, Zaqaqiyah dan Kaherah. Seterusnya dilantik sebagai Pengarah di Institut Perguruan di Fayum dan berkhidmat sebagai pensyarah. Pada 1917, beliau ditugaskan oleh Universiti al-Azhar sebagai pensyarah pelawat di Khurtum Sudan dalam bidang Syariah Islamiyyah dan Bahasa Arab. Kemudian kembali ke Kaherah berkhidmat sebagai pensyarah di al-Azhar dan Dar al-Ulum hingga Mac 1943. Antara hasil karyanya *al-Majaz fi Ulum al-Qur'an*, *al-Wajiz fi Usul Fiqh dan Risalah fi Mustalah al-Hadith*. Beliau meninggal dunia pada 9 Julai 1952 dan dikebumikan di Hilwan. (Ahmad Dawud, 1990), (Bakhiyah, 1988)

Aktiviti penterjemahan kitab tafsir di Malaysia pula berlaku seawal sejak abad ke-16 melalui penemuan *Tafsir al-Hasyimi* oleh Kerani Muhammad Hasyim bin al-Ghani pada 1686 dari Pulau Pinang. Pada abad ke-17, salinan terjemahan *Tafsir al-Baydawi* dibawa oleh Tok Pulau Manis dari Aceh ke Terengganu pada 1730. Tiada aktiviti direkodkan sepanjang abad ke-18 dan ke-19 (Norhasnira, 2013). Kemudian Syed Sheikh al-Hadi menyadur *Tafsir Juz 'Amma* dan *Tafsir al-Fatihah* karya gurunya Muhammad Abduh. Terjemahan *Tafsir Surah al-Fatihah* sebanyak 127 muka surat tulisan Syed Sheikh al-Hadi diterbitkan pada 1928 manakala terjemahan *Tafsir Juz 'Amma* pula diterbitkan pada 1929 (Haziyah, 2012). Era selepas merdeka menunjukkan perkembangan penulisan tafsir Melayu dan penterjemahan kitab tafsir berlaku semakin aktif di kalangan ulama' tempatan. Karya tafsir Melayu antaranya *Ramuan Rapi Dari Erti Surah al-Kahfi* tulisan Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim dari Kelantan terbitan 1957, diikuti *Tafsir al-Qur'an Juz 'Amma* karangan Muhammad Idris al-Marbawi dari Perak terbitan 1962. Pada tahun yang sama juga terbit *Intisari Tafsir Juzuk 'Amma* karya Abu Bakar al-Shaari, diikuti *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juz 'Amma* tulisan Mohd Fauzi bin Awang dari Kelantan terbitan 1964. Kemudian *Tafsir Surah Yasin* karangan Muhammad Idris al-Marbawi terbitan 1966 dan *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* oleh Abdullah Basmeih dari Melaka terbitan 1968 (Ismail, 1995).

Antara karya terjemahan pula adalah tulisan Uthman Jalaluddin dari Kelantan yang menterjemah dan mengulas *Tafsir Jalalayn*. Kemudian karya Abdullah Basmeih yang menterjemah *Intisari al-Qur'an (Ila al-Qur'an al-Karim)* tulisan Mahmud Syaltut. *Tafsir fi Zilal al-Qur'an* karangan Syed Qutb diterjemah oleh 3 orang penterjemah secara berasingan iaitu Siddiq Fadzil dari Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada 1985, Ismail bin Mohd Hassan terbitan Yayasan Islam Terengganu pada 1986 dan Dato' Yusoff Zaky Yacob cetakan Dian Darul Naim, Kelantan pada 1989. Selain itu, karya *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* tulisan Maulana Abdullah Yusuf Ali dari India diterjemah oleh Dr Muhammad Uthman El-Muhammady pada 1991 (Norhasnira, 2013), terjemahan *Tafsir al-Maraghi* terbitan Toha Putra Indonesia diolah bahasa dalam bahasa Melayu pada 2001 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Persatuan Ulama' Malaysia menterjemah secara berperingkat *Tafsir al-Munir* karangan Dr Wahbah al-Zuhaily sejak 2002 terbitan Intel Multimedia and Publication.

Hasil penelitian menunjukkan terdapat lima corak penulisan tafsir Melayu di Malaysia. Pertama, penulisan tafsir lengkap 30 juz seperti

*Tafsir Nur al-Ihsan*. Kedua, penulisan tafsir mengikut juz tertentu seperti *Tafsir al-Qur'an Juz 'Amma*. Ketiga, penulisan tafsir dalam sesebuah surah seperti *Ramuan Rapi Dari Erti Surah al-Kahfi*. Keempat, penulisan tafsir berdasarkan tajuk tertentu seperti *Tafsir Surah al-Mujadalah* ayat 1-5 berkaitan Falsafah Rumahtangga karangan Nik Muhammad Salleh bin Wan Musa dari Kelantan. Kelima, penulisan intisari tafsir hasil susunan anak murid dalam siri-siri kuliah seperti *Khulasah al-Qur'an* karya Abdullah Awang Nuh, hasil susunan anak muridnya Wan Ismail bin Wan Nawang (Ismail, 1995).

## 2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Metod pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temubual dan kajian perpustakaan. Manakala metod analisis data dilakukan secara deduktif iaitu membentuk konsep khusus daripada sesebuah pernyataan yang umum (Chua Yan, 2011). Pemikiran islah Ahmad Mustafa al-Maraghi merangkumi aspek akidah, politik dan kemasyarakatan diperoleh melalui penelitian secara langsung terhadap *Tafsir al-Maraghi* sebanyak 30 juz dan karya-karya tafsir Melayu aliran islah antaranya *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* karya Mustafa Abdul Rahman sebanyak 16 jilid, *Tafsir al-Rawi Juz 'Amma* karya Haji Yusof Abdullah al-Rawi sebanyak 2 jilid, *Tafsir al-Quran al-Karim Juz 'Amma* karangan Ustaz Mohd Fauzi bin Awang dan Koleksi Tafsir Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri.

## 3. Penulisan Tafsir Melayu Menggunakan *Tafsir al-Maraghi* Sebagai Sumber Rujukan

Ulama' tempatan merujuk kitab tafsir aliran islah dari Timur Tengah iaitu *Tafsir al-Maraghi* sebagai sumber rujukan ketika menghasilkan karya-karya tafsir Melayu. Karya tafsir tersebut kali pertama diterbitkan secara lengkap 30 juz pada 1945 terbitan Syarikat Maktabat wa Matba'at al-Bab al-Halab di Mesir. Berlaku penyerapan idea pembaharuan al-Maraghi ke dalam penulisan tafsir Melayu sejak sebelum merdeka khususnya di negeri Perak dan Kelantan kerana negeri-negeri tersebut menjadikan *Tafsir al-Maraghi* sebagai silibus mata pelajaran tafsir bagi peringkat thanawi (menengah) di madrasah-madrasah yang popular antaranya Ma'had il-Ihya' Assyarif di Gunung Semanggol dan Ma'had Muhammadi di Kota Bharu. Pada ketika itu, ulama' aliran Kaum Muda kebanyakannya berkhidmat sebagai guru di madrasah. Mustafa Abdul

Rahman pengarang *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* merupakan guru di Ma'had il-Ihya' Assyarif sekitar tahun 1946-1948. Beliau menerbitkan karya tafsir bahagian juz pertama pada 1949 dengan merujuk *Tafsir al-Maraghi* sebagai rujukan utama. Pada 1960, secara rasmi *Tafsir al-Maraghi* dijadikan teks pengajaran di sekolah-sekolah Arab di bawah Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) sehinggalah sukatan mata pelajaran MAIK digubal semula pada 1971 (Amiratul, 2015).

Menurut Dr Mohamad Kamil bin Abdul Majid, beliau merupakan pelajar Ma'had Muhammadi sekitar tahun 1965-1967, menerima secara langsung pengaruh al-Maraghi melalui pembelajaran *Tafsir al-Maraghi*. Terdapat 3 orang guru yang mengajar *Tafsir al-Maraghi* iaitu Haji Hasan Idris, Abdul Halim bin Abd Rahman dan Tuan Guru Nik Aziz bin Nik Mat. Dr Mohamad Kamil bin Abdul Majid berperanan menyampaikan ceramah tafsir surah al-Nahl dan al-Kahfi di Radio Pantai Timur pada 1979-1980 dengan merujuk *Tafsir al-Maraghi*. Kemudian rakaman tersebut diterbitkan dalam bentuk penulisan bertajuk *Mutiara al-Qur'an* terbitan K-Publition dan Maphilindo pada 1983-1984 (Temubual Mohamad Kamil, 2015). Justeru perkembangan idea-idea pembaharuan melalui karya *Tafsir al-Maraghi* di Malaysia semakin meluas terutamanya selepas merdeka. Sehingga kini *Tafsir al-Maraghi* masih menjadi rujukan oleh ulama' tempatan dalam menghasilkan karya tafsir.

Berikut 7 penulisan tafsir Melayu yang merujuk *Tafsir al-Maraghi* iaitu *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*<sup>2</sup> karangan Mustafa Abdul Rahman, *Ramuan Rapi Dari Erti Surah al-Kahfi*<sup>3</sup> karya Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*<sup>4</sup> tulisan Abdullah Basmeih, *Tafsir al-Rawi Juzu 'Amma*<sup>5</sup> karya

---

<sup>2</sup> *Tafsiral-Qur'an al-Hakim* terdiri 27 penggal (juz) terbitan Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Bahr wa Awladuhu. Pengarang tidak sempat menghabiskan 3 juz yang terakhir kerana meninggal dunia pada 1968. Sheikh Abdullah Fahim yang pernah berkhidmat sebagai Mufti Negeri Pulau Pinang mengiktiraf beliau dalam pendahuluan tafsirnya dan menyatakan kebanyakan huraian tafsirnya merujuk *Tafsir al-Maraghi*. (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

<sup>3</sup> *Ramuan Rapi Dari Erti Surah al-Kahfi* yang terdiri dari 53 muka surat menghuraikan kisah-kisah berkaitan persoalan akidah. Pendahuluan tafsirnya menjelaskan mengenai pesanan Rasulullah s.a.w yang menggalakkan membaca surah al-Kahfi supaya tidak terpedaya dengan godaan dajjal. (Mustaffa, 2009).

<sup>4</sup> *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempunyai versi bahasa Inggeris pada 1998 dan kini dalam usaha menterjemah dalam bahasa Mandarin dan Tamil. Versi asal

Haji Yusof bin Abdullah al-Rawi, *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Amma*<sup>6</sup> karangan Mohd Fauzi bin Awang, Koleksi Tafsir Dato' Seri Dr Zulkifli al-Bakri keluaran Arkib Bicara Agama Utusan Malaysia Online tahun 2007-2012 dan *Tafsir al-Hidayah: Surah al-Fatihah* terbitan 1968.

Terdapat 2 penulisan tafsir yang menjadikan *Tafsir al-Maraghi* sebagai rujukan utama iaitu *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* sebanyak 168 ayat meliputi surah al-Baqarah, Ali 'Imran, al-Nisa', al-'Araf dan surah Yusuf meliputi aspek akidah, politik, kemasyarakatan dan sains. Koleksi Tafsir Dato' Seri Dr Zulkifli al-Bakri pula merujuk sebanyak 376 ayat merangkumi 23 surah dan 186 tajuk artikel. Terdapat 27 buah karya berbentuk buku yang merujuk *Tafsir al-Maraghi* antaranya Institusi Fatwa dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Sembilan terbitan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Manakala 2 penulisan tafsir hanya merujuk beberapa ayat sahaja seperti *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* sebanyak 9 ayat meliputi surah al-Fatihah, al-Baqarah, Ali Imran dan al-Nisa' dan *Tafsir al-Rawi Juzu 'Amma* merujuk 1 ayat iaitu surah al-Qadr. Sebahagian karya tafsir yang lain meletakkan *Tafsir al-Maraghi* dalam senarai rujukan tetapi tidak dinyatakan secara spesifik huraian ayat al-Qur'an (Amiratul, 2015).

#### **4. Penulisan Tafsir Melayu Mengaplikasi Metod *al-Adab wa al-Ijtima'i***

Ulama' tempatan mengaplikasi metod tafsir moden aliran islah dari Mesir ketika menghasilkan karya tafsir. Metode *al-Adab wa al-Ijtima'i* dipelopori oleh *Tafsir al-Manar* karangan Muhammad Abduh dan Muhammad Rasyid Rida. Kemudian metod tersebut diikuti oleh anak murid mereka Ahmad Mustafa al-Maraghi melalui karyanya *Tafsir al-Maraghi* dengan penambahbaikan yang lebih baik dan tersusun. *Tafsir al-Maraghi* memaparkan huraian tafsir yang lebih ringkas berbanding *Tafsir*

---

adalah dalam tulisan jawi. Tafsir ini telah disemak oleh Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim. (Abdullah Basmeih, 1968).

<sup>5</sup> *Tafsir al-Rawi Juzu 'Amma* bertulis jawi diterbitkan oleh Maktabah Haji Abdullah bin Muhammad Nuruddin al-Rawi, Zi United Press di Pulau Pinang. Kemudian disusun semula dan diterbitkan sebanyak 2 jilid pada 1964, 1972 dan 1984. (Yusof al-Rawi, 1972).

<sup>6</sup> *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Amma* terdiri dari 156 muka surat terbitan Pustaka Aman Press Sdn Bhd Kota Bharu Kelantan. Pengarang menghurai istilah-istilah fahaman ketuhanan seperti monotheisme dan polytheisme serta mengemukakan fakta-fakta sains secara spesifik (Mohd Fauzi, 1964).

*al-Manar* namun kupasannya padat mencakupi makna yang menyeluruh. Al-Maraghi mengemukakan pandangan dan ijtihad ulama' kontemporari dalam karya tafsirnya seperti Muhammad 'Abduh, Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim (Amiratul, 2015).

Secara umumnya, pendekatan *al-Adab wa al-Ijtima'i* iaitu menghubungkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an dengan sosio-budaya masyarakat yang bersifat semasa. Ia menggunakan gaya bahasa yang mudah dan menarik bertujuan mengambil nilai pengajaran dan amat bersesuaian dengan tahap kefahaman masyarakat awam (Husayn al-Dhababi, 2000). Selain itu, tidak mengambil periwayatan israiliyyat dan tidak fanatik terhadap pandangan sesebuah mazhab fiqh mahupun aliran pemikiran (Mahmud Bayuni, 1988). Al-Maraghi tidak mengemukakan istilah-istilah yang berkait dengan ilmu bahasa seperti *balaghah*, *nahu* dan *sarf* dalam huraian tafsirnya. Sebaliknya *Tafsir al-Manar* masih menumpukan perbincangan berkaitan ilmu bahasa namun secara ringkas sahaja (Abd al-Qadir, 2003).

Ulama' tempatan mencontohi corak pentafsiran dan gaya penulisan *Tafsir al-Maraghi*. Mereka mengadaptasi huraian tafsir ayat-ayat al-Quran bersesuaian dengan suasana masyarakat Melayu. *Tafsir al-Maraghi* mendapat sambutan yang baik. Mereka menggunakan ijtihad dan mengemukakan fakta-fakta ilmiah dan mengupas persoalan semasa. Terdapat 5 karya tafsir Melayu yang cenderung menepati ciri-ciri metod *al-Adab wa al-Ijtima'i* iaitu *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* tulisan Mustafa Abdul Rahman, *Tafsir al-Rawi Juzu 'Amma* karangan Haji Yusof bin Abdullah al-Rawi, *Ramuan Rapi Dari Erti Surah al-Kahfi* oleh Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim, *Intisari Juzuk 'Amma* karya Abu Bakar al-Shaari dan *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Amma* tulisan Mohd Fauzi bin Awang.

Dari sudut topik perbincangan, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* mengaitkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an dengan amalan kehidupan manusia merangkumi aspek akidah, politik, kemasyarakatan dan sains. *Tafsir al-Rawi Juz 'Amma* memfokuskan perspektif pembangunan modal insan. Manakala *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Amma* pula memperincikan maklumat berkaitan fahaman ketuhanan yang bertentangan dengan akidah Islam serta mengemukakan fakta-fakta sains seperti kejadian cakerawala sebagai tanda keagungan Allah (Amiratul, 2015). Dari sudut penggunaan metod tafsir, sebahagian tafsiran ayat dalam *Ramuan Rapi Dari Erti Surah al-Kahfi* pula menggunakan metod perbandingan (muqaran) dalam surah al-Kahfi ayat 24 iaitu membandingkan kuasa Allah dan kuasa manusia melalui perumpamaan

sebuah bangunan dan pejabat elektrisiti yang dilengkapi dengan dawai light dan power. Intisari Juzuk 'Amma pula menggunakan metod *tafsir bi al-ra'yi* iaitu menggunakan logik akal ketika menghurai surah al-Tin ayat 5, menyatakan bahawa jiwa manusia terdiri dari akal, semangat dan nafsu yang masing-masing perlu ada keseimbangan. Sekiranya salah satunya tidak seimbang maka berlaku rosaklah nilai kemanusiaan (Mustaffa, 2009).

Berikut contoh penulisan tafsir Melayu yang mengikut metod *al-Adab wa al-Ijtima'i*, tafsiran ayat al-Quran dalam *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* surah Ali 'Imran ayat 92, menghurai berkaitan infaq bersesuaian suasana masyarakat Melayu iaitu: "*Apa-apa yang dibelanjakan daripada harta dan wang ringgit dan apa-apa yang disedekahkan daripada makanan dan pakaian, semuanya itu diketahui Allah dan diberi pahala olehNya.*" (Mustafa Abdul Rahman, 1949) Manakala tafsiran ayat al-Qur'an dalam *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Amma* surah al-Ikhlash ayat 1, menjelaskan berkaitan Allah yg Esa dengan perbandingan fakta-fakta ilmiah dari agama Hindu dan Kristian iaitu: "*Agama Hindu mengakui Tuhan Esa tetapi mengandungi 3 Tuhan terdiri dari Brahma (Tuhan mencipta alam), Visnu (Tuhan memelihara alam) dan Siva (Tuhan merosakkan alam). Ketiga-tiga Tuhan bergabung menjadi Tri-Murti. Agama Kristian pula berpandangan Tuhan itu Esa tetapi terdiri dari Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Ruh al-Qudus dan menggelar ketiga-tiga Tuhan tersebut Trinity. Dalam Islam, Allah itu Esa iaitu tunggal tidak berbilang-bilang.*" (Mohd Fauzi, 1964)

Tafsiran ayat al-Qur'an dalam *Tafsir al-Rawi Juzu 'Amma* bagi surah al-Layl ayat 15-17, mengemukakan pandangan ulama' kontemporari iaitu Muhammad Abduh berkaitan golongan yang celaka (*al-ashqa*) dan golongan yang bertaqwa (*al-atqa*) iaitu: "*Amal perbuatan manusia terbahagi kepada 4 kategori: golongan pertama, mereka yang taat setia menggunakan kecerdikan akal dan membezakan antara perkara baik dan buruk, gemar dan tekun melakukan perbuatan baik. Golongan kedua mereka kadang-kadang tewas dengan hawa nafsu kemudian insaf, menyesal dan kembali bertaubat kepadaNya. Golongan ketiga mereka yang mencampur-aduk perkara baik dan buruk serta gemar berkekalan melakukan maksiat. Golongan keempat mereka yang langsung tidak percaya kepada kebenaran, bahkan degil berkeras hati, ingkar kepada Tuhan dan menyekutukanNya. Justeru golongan pertama dan kedua adalah kategori bertaqwa (*al-atqa*) manakala golongan ketiga dan keempat adalah kategori celaka (*al-ashqa*).*" (Yusof al-Rawi, 1972)



## 5. Pengaruh Pemikiran al-Maraghi dalam Penulisan Tafsir Melayu Dari Sudut Akidah

*Tafsir al-Qur'an al-Hakim* karya Mustafa Abdul Rahman memperkenalkan kefahaman ilmu tauhid kepada masyarakat Melayu melalui pendekatan *tawhid uluhiyyah* dan *tawhid rububiyyah* sebagaimana huraian *Tafsir al-Maraghi* dalam surah Hud ayat 120-123. Manakala *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Amma* karangan Mohd Fauzi Awang menggunakan istilah *tawhid 'ubudiyyah* ketika menafsirkan surah al-Ikhlâs. Maksud *tawhid 'ubudiyyah* iaitu menumpukan segala amal ibadah hanya kepada Allah dan pergantungan kepadaNya tanpa perantaraan makhluk. Mustafa Abdul Rahman menjelaskan dalam tafsiran surah al-Baqarah ayat 22 bahawa bentuk syirik *tawhid uluhiyyah* secara tersirat iaitu bersikap terlalu mengagungkan manusia hingga mengharap segala hajat kepada makhluk (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

Berdasarkan tafsiran surah al-Baqarah ayat 141, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* menyokong pandangan al-Maraghi yang menegah perbuatan mengharap semata-mata shafa'at daripada orang-orang soleh tanpa melakukan sebarang usaha untuk mendekati diri kepadaNya. Amalan orang-orang soleh boleh dicontohi oleh masyarakat tetapi berpegang semata-mata shafa'at daripada mereka adalah dilarang kerana Allah memberi ganjaran pahala kepada hamba-hambaNya berdasarkan amalan individu masing-masing (Mustafa Abdul Rahman, 1949). *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Amma* pula melarang amalan khurafat berdoa di perkuburan orang soleh bertujuan memcepat dikabulkan doa kerana perbuatan tersebut menyalahi ajaran Islam sebagaimana tafsiran surah al-Fatihah ayat 5 (Mohd Fauzi, 1964). Justeru Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri berpandangan amalan khurafat tersebut menyebabkan berlakunya 2 syirik sekaligus iaitu berdoa melalui perantaraan dengan yakin Allah akan mengabulkan doanya dan mengkufurkan Allah kerana beranggapan melalui perbuatan tersebut doanya lebih cepat dimakbulkan (Zulkifli al-Bakri, 2014).

Dalam persoalan taklid pula, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* memetik pandangan *Tafsir al-Maraghi* dalam surah al-Baqarah ayat 170-171 yang melarang perbuatan taklid buta iaitu menyandarkan sesuatu amalan ibadah orang terdahulu tanpa mengetahui sandaran dalil naqli. Budaya taklid dalam kalangan masyarakat memberikan kesan negatif kerana perkembangan ilmu terhalang dan menutup ruang mempelajari ilmu serta tidak berusaha untuk memberi kefahaman kepada orang lain. Mustafa Abdul Rahman menjelaskan bahawa perbuatan mengikuti individu yang

diyakini kebenarannya seperti nabi-nabi dan para *mujtahid* tidak dinamakan taklid tetapi disebut *ittiba'*. Beliau menegaskan setiap muslim wajib memahami dan mempelajari agama Islam sehingga menemukan dalil dan kebenaran sandaran amalan tersebut (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

Mohd Fauzi Awang menyebut dalam tafsiran surah al-Tin ayat 4 bahawa akal kurniaan Allah berperanan untuk berfikir mencari kebenaran. Justeru golongan pengkaji ialah yang paling dekat mengetahui kebenaran kerana mereka memerhatikan dalil-dalil agama manakala individu yang paling jauh mengetahui kebenaran ialah *muqallid* (Mohd Fauzi, 1964). Haji Yusof bin Abdullah al-Rawi pula menyatakan keupayaan akal terbatas, perlu dipandu oleh petunjuk yang dibawa oleh para nabi dan rasul (Yusof al-Rawi, 1972). Justeru Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri menyeru umat Islam menghindari amalan taklid dan melakukan ibadah menepati sunnah Rasulullah s.a.w kerana objektif iman adalah meningkatkan taraf akal dan menyucikan jiwa melalui ilmu. Penguasaan umat Islam terhadap ilmu pengetahuan dapat memelihara akidah yang sahih dan mengelakkan perkara bida'ah dalam urusan ibadah (Zulkifli al-Bakri, 2007).

Dalam isu penyatuan umat Islam, Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri mengaitkan huraian Tafsir al-Maraghi dalam surah Ali 'Imran ayat 103 iaitu seruan penyatuan umat Islam berteraskan Islam di bawah aliran akidah ahl sunnah wa al-jama'ah. Walaupun al-Maraghi menyebut secara umum sahaja tanpa menyentuh perihal golongan ahl sunnah wa al-jama'ah, namun beliau bersandarkan kepada ulasan al-Maraghi yang melarang umat Islam bersatu berdasarkan semangat kebangsaan (*asabiyyah*) adalah selari dengan pendirian golongan ahl sunnah wa al-jama'ah. Kumpulan ini mewakili majoriti umat Islam. Menurutnya, penyatuan umat perlu dibina dengan mengamalkan ajaran al-Qur'an dan mengikuti sunnah Rasulullah sebagaimana prinsip ahl sunnah wa al-jama'ah agar tidak berlaku perpecahan di kalangan umat Islam (Zulkifli al-Bakri, 2014).

Penulisan tafsir Melayu secara langsung menyerap idea-idea pembaharuan dari *Tafsir al-Maraghi* berkaitan persoalan akidah seperti kefahaman pendekatan tawhid uluhiyyah dan tawhid rububiyah, penentangan terhadap amalan khurafat, isu taklid dalam urusan ibadah dan penyatuan umat. Justeru karya tafsir karangan ulama' tempatan berperanan sebagai medium menyampaikan ilmu pengetahuan dan memberi kefahaman akidah yang sahih terhadap masyarakat. Ulama' tempatan juga menggunakan ruang dalam karya tafsir mereka untuk

menegur perbuatan khurafat yang bertentangan ajaran Islam bertujuan memperbetul budaya masyarakat yang salah dan menyelamatkan akidah supaya tidak terpesong (Amiratul, 2015).

## **6. Pengaruh Pemikiran al-Maraghi dalam Penulisan Tafsir Melayu Dari Sudut Politik**

Berpandukan tafsiran surah al-Baqarah ayat 33 dan 124, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* menyatakan syarat kelayakan menjadi seorang pemimpin adalah berilmu pengetahuan. Pemimpin perlu bijak mentadbir urusan negara, mengetahui ilmu berorganisasi dan pakar dalam sesuatu bidang yang dipertanggungjawabkan. Selain itu, kepimpinan yang baik (*al-Imamah al-Salihah*) meletakkan syarat pemimpin yang dipilih ialah individu yang berintegriti dan berakhlak mulia kerana tugas pemimpin memastikan tidak berlaku kezaliman dan penyelewengan sehingga wujud kemakmuran di kalangan rakyat. Amanah tersebut adalah selari dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah yang bertanggungjawab memakmurkan alam dengan syariatNya. Justeru para pemimpin sewajarnya terdiri daripada golongan berilmu dan memiliki sifat integriti agar dapat mentadbir urusan negara dengan baik. Rakyat pula bertanggungjawab memilih pemimpin yang menepati syarat seorang pemimpin dan dilarang menyokong pemimpin yang zalim untuk menerajui tampuk pemerintahan (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

Dalam huraian surah al-Baqarah ayat 204-205, Mustafa Abdul Rahman menegaskan bahawa peranan akhbar kadang kala disalahgunakan sebagai medium menyebarkan berita-berita palsu kepada masyarakat. Implikasinya masyarakat awam terkeliru dan terpedaya kerana didedahkan dengan fakta-fakta yang tidak benar di dalam akhbar. Mohd Fauzi Awang menyatakan bahawa penyebar fitnah akan peroleh siksaan (Mohd Fauzi, 1964). Pengarang *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* lantang mengkritik, menyatakan bahawa para pemimpin yang zalim menggunakan medium akhbar untuk mengaburi rakyat. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan juga peranan akhbar dari sudut yang positif sebagai wadah menasihati dan membimbing umat ke arah kebaikan dan kemajuan (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

Dari sudut sumber perundangan dalam pemerintahan Islam pula, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* menyatakan bahawa sumber perundangan terdiri dari al-Qur'an, hadith, ijma' dan qiyas. Mustafa Abdul Rahman memetik huraian dalam *Tafsir al-Maraghi* bahawa kepimpinan negara diterajui oleh ulama' dan umara' yang menjalankan tugas melalui 2

badan iaitu *hay'ah tashri'iyah* dan *hay'ah tanfidhiyyah*. *Hay'ah tashri'iyah* (badan perundangan) terdiri daripada para ulama' yang berperanan menerangkan kefahaman berkaitan hukum-hukum Islam dan membincangkan isu-isu yang berselisih agar mengikut panduan al-Qur'an dan hadith. Manakala *hay'ah tanfidhiyyah* bertindak sebagai pelaksana seperti kabinet menteri dan para hakim. 2 badan tersebut merupakan struktur utama dalam pemerintahan Islam. Menurutnya, kepimpinan dalam sesebuah negara bertanggungjawab mengimplimentasikan hukum Islam dalam semua aspek manakala rakyat pula dikehendaki memelihara undang-undang dan mentaatinya (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

Selain itu, *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* menekankan kepentingan bermesyuarat dalam sesebuah pemerintahan Islam bersandar tafsiran surah Ali 'Imran ayat 159. Melalui mesyuarat, pandangan-pandangan yang bernas diperolehi untuk mencari jalan penyelesaian terbaik hasil kesepakatan bersama. Mesyuarat adalah simbol keterbukaan. Beliau memetik pandangan al-Maraghi menyatakan bahawa amalan bermesyuarat adalah satu tuntutan dalam Islam tetapi telah diabaikan pelaksanaannya pada pemerintahan Abasiyyah di peringkat raja-raja kemudian diikuti ahli-ahli agama. Situasi tersebut berleluasa sehingga masyarakat menyangka kekuasaan Islam berlaku secara veto dan mesyuarat hanyalah perkara *ikhtiyariyyah* iaitu jika suka dilaksanakan apabila tidak suka ditinggalkan. Menurutnya, pengajaran dari sejarah silam boleh diteladani masyarakat Melayu agar tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

*Tafsir al-Qur'an al-Hakim* menyatakan harus mengadakan hubungan kerjasama dengan bukan Islam kategori kafir dhimmi<sup>7</sup> dalam pemerintahan sesebuah kerajaan Islam. Pandangan al-Maraghi dipetik, menyatakan bahawa bukan Islam boleh dilantik sebagai pembantu atas dasar saling mempercayai. Lantikan tersebut bertujuan mengelak kemudaran yang lebih besar dan memelihara masalah umat Islam. Mustafa Abdul Rahman menyebut dalam tafsiran surah Ali 'Imran ayat 28 bahawa hubungan kerjasama dengan bukan Islam diharuskan dengan syarat suasana penyebaran agama Islam berkembang dengan baik tanpa sekatan dan umat Islam memiliki kekuatan. Perkara tersebut

---

<sup>7</sup> Golongan yang tidak memerangi Islam dan ingin bernaung di bawah pemerintahan Islam. Mempunyai prinsip yang sama menghapus kezaliman dan menegakkan keadilan. Saling mempercayai, berkongsi kebaikan dan memberi kerjasama membantu umat Islam (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

menunjukkan keindahan ajaran Islam kerana meraikan golongan bukan Islam dan tiada diskriminasi terhadap penganut agama lain.

Beliau memaparkan sirah Rasulullah s.a.w dan sejarah Islam sebagaimana dalam *Tafsir al-Maraghi* iaitu kisah Saidina Umar al-Khattab melantik pegawai bukan Islam berbangsa Rom di pejabatnya. Tafsiran surah Ali 'Imran ayat 120 menjelaskan sekiranya berlaku pengkhianatan dalam perjanjian di kalangan bukan Islam, Allah menyeru kepada orang-orang mukmin supaya bersabar. Islam melarang perbuatan membalas kejahatan dengan kejahatan tetapi hendaklah dibalas dengan kebaikan dengan memberi kemaafan. Sekiranya pihak musuh masih berterusan membinasakan umat Islam maka dibenarkan menentang kejahatan dengan tindakan sewajarnya mengikut situasi sebagaimana tindakan Rasulullah s.a.w mengusir Bani Nadir kerana memberi kemudaratan kepada umat Islam (Mustafa Abdul Rahman, 1949).

Justeru karya *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* mendominasi idea-idea pembaharuan al-Maraghi dari sudut perbincangan aspek politik berbanding karya-karya tafsir Melayu yang lain. Perbahasan dalam huraian ayat al-Qur'an menghurai isu kriteria memilih pemimpin, peranan akhbar dalam masyarakat, sumber perundangan Islam, struktur pemerintahan Islam dan hubungan kerjasama dengan bukan Islam. Kupasan ayat al-Qur'an bersifat informatif dengan mengemukakan fakta-fakta ilmiah bersandarkan sejarah Islam. Nilai pengajarannya adalah relevan dan boleh diteladani oleh masyarakat Melayu sehingga kini (Amiratul, 2015).

## **7. Pengaruh Pemikiran al-Maraghi dalam Penulisan Tafsir Melayu Dari Sudut Sosial**

*Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Ammu* mengupas surah al- 'Alaq ayat 1-5 berkaitan kepentingan menguasai ilmu pengetahuan. Ajaran Islam menuntut umatnya mempelajari ilmu pengetahuan untuk mencapai kemajuan dan kemuliaan. Anak-anak perlu diberi pelajaran dan pendidikan yang sempurna. Justeru al-Maraghi menekankan aspek pembacaan dan penulisan untuk menguasai ilmu pengetahuan (Mohd Fauzi, 1964). *Tafsir al-Rawi Juzu 'Ammu* dalam surah al-Shams ayat 9 menyarankan umat Islam memperkayakan diri dengan ilmu pengetahuan dunia dan ilmu agama kemudian mengamalkannya dengan ikhlas (Yusuf al-Rawi, 1972). Manakala Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri pula mengulas bahawa perintah membaca dalam surah al- 'Alaq menggalakkan umat Islam memupuk tabiat membaca termasuklah melakukan kajian. Dengan

membaca, manusia mengenal Allah melalui tanda-tanda kebesarannya dan mengetahui dalil-dalil yang akhirnya melahirkan perasaan taqwa kepada Allah. Umat yang menguasai ilmu akan menguasai dunia (Zulkifli al-Bakri, 2012). Justeru pembudayaan ilmu perlu dipupuk di kalangan masyarakat Islam agar menjadi umat yang dihormati dan dapat bersaing secara sihat dengan bangsa-bangsa lain.

Mustafa Abdul Rahman menyentuh isu sensitif mengenai segelintir tindakan golongan agamawan yang digelar ulama' su' kerana menyembunyikan kebenaran ketika melihat kebatilan padahal mereka mengetahui perbuatan tersebut menyalahi ajaran Islam. Dalam tafsiran surah al-Baqarah ayat 160 menyatakan ulama' su' hanya mendiamkan diri ketika amalan bida'ah dalam urusan agama berleluasa dalam masyarakat padahal mereka berkuasa menegahnya. Beliau menegaskan implikasi tindakan ulama' su' menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat yang umumnya tidak berilmu. Sewajarnya ulama' menjalankan amanah menyebarkan dakwah dan berusaha memperbaiki akhlak masyarakat yang semakin parah.

Tafsiran surah al-Baqarah ayat 145 dan 174 menjelaskan bahawa ulama' su' juga menurut sahaja kehendak pemimpin yang berlandaskan hawa nafsu sehingga mereka mengeluarkan fatwa-fatwa yang sesat seperti menukarkan hukum bukan pada tempatnya bertujuan mengambil perhatian para pemimpin dan inginkan habuan dunia. Pendedahan dan teguran terhadap ulama' dalam karya tafsir Melayu merupakan tindakan berani dan suatu perkara yang luar biasa. Beliau juga menyatakan perselisihan dan perpecahan dalam kalangan ulama' secara realitinya berlaku disebabkan sikap hasad. Manakala golongan ulama' yang sepenuhnya beriman dan meletakkan keyakinan yang tinggi kepada Allah, mereka memperoleh sinaran hidayah yang terhindar dari perselisihan sebagaimana huraian surah al-Baqarah ayat 213 (Mustafa Abdul Rahman, 1949). Justeru pendedahan perilaku ulama' su' terhadap masyarakat melalui karya tafsir menjadikan masyarakat lebih berwaspada. Perbincangan berkaitan ulama' su' juga disebut oleh al-Maraghi dalam karya tafsirnya.

Hasil pengamatan menunjukkan penulisan tafsir Melayu memaparkan isu-isu kemasyarakatan seperti pentingnya penguasaan ilmu pengetahuan untuk mengecapi kemajuan dari sudut fizikal dan pembangunan modal insan. Selain itu, isu ulama' su' dibincangkan secara terbuka melalui medium penulisan tafsir. Tafsirannya lebih meluas dan bersifat kritis menyentuh perkara yang diluar kebiasaan namun secara

umumnya kandungan tafsir adalah bermanfaat dipenuhi nasihat-nasihat yang baik untuk diteladani.

## 8. Kesimpulan

*Tafsir al-Maraghi* aliran islah karya Ahmad Mustafa al-Maraghi memberi sumbangan yang besar terhadap corak penulisan tafsir Melayu di Malaysia. Berlaku penyerapan idea-idea pembaharuan al-Maraghi secara langsung dari sudut akidah, politik dan kemasyarakatan dalam karya-karya tafsir Melayu. Pengaruh al-Maraghi berkembang meluas apabila ulama' tempatan mengaplikasikan corak pentafsiran dan mencontohi gaya penulisan karya *Tafsir al-Maraghi* khususnya metod *al-Adab wa al-Ijtima'i* yang menghubungkan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an dengan sosiobudaya masyarakat antaranya menerangkan ciri-ciri ulama' su' dan teguran terhadap mereka sebagaimana dalam karya *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*. *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* karya Mustafa Abdul Rahman merupakan karya tafsir Melayu yang paling kuat dipengaruhi oleh *Tafsir al-Maraghi*. Diikuti oleh *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu' Amma* karangan Mohd Fauzi Awang, *Tafsir al-Rawi Juzu' Amma* tulisan Yusof bin Abdullah al-Rawi dan *Koleksi Tafsir Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri*.

Sasaran tafsir Melayu ditujukan kepada masyarakat awam. Justeru persembahan tafsiran ayat-ayat al-Qu'an menggunakan gaya bahasa yang menarik dan mudah difahami sebagaimana penulisan *Tafsir al-Maraghi*. Ulama' tempatan mengadaptasi isu-isu bersesuaian dengan situasi masyarakat Melayu. Penulisan tafsir Melayu memberikan sumbangan keilmuan terhadap masyarakat, sebarannya berlaku secara meluas melalui pengajaran tafsir di masjid-masjid sekitar negeri Perak, Kedah dan Pahang pada era pasca merdeka sehingga awal 1990-an terutamanya melibatkan kitab *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* yang banyak memetik tafsiran daripada kitab *Tafsir al-Maraghi*. Mutakhir ini sebahagian karya tafsir Melayu klasik aliran al-Maraghi kebanyakannya sukar diperoleh kerana tidak lagi diulang cetak oleh penerbit dan menjadi koleksi simpanan individu tertentu atau koleksi perpustakaan universiti tertentu. Namun *Tafsir Pimpinan al-Rahman* dan penulisan buku-buku agama Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri antara yang hangat di pasaran dan mudah diperoleh. Justeru kesinambungan pengaruh pemikiran al-Maraghi masih lagi berkembang sehingga kini di Malaysia.

## 9. Rujukan

- Abd al-Qadir Muhammad Salih. (2003). *Tafsir al-Adabi al-Ijtima'i: Tafsir 'inda Ahmad Mustafa al-Maraghi dalam al-Tafsir wa al-Mufasssirun fi al-'Asr al-Hadith*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Abdullah Basmeih. (1968). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Ahmad Dawud Muhammad Dawud. (1990). *Al-Shaykh Ahmad Mustafa al-Maraghi wa Manhajuhu fi al-Tafsir*. Disertasi. Amman: Universiti Jordan.
- Amiratul Munirah Yahaya. (2015). *Pemikiran Ahmad Mustafa al-Maraghi dalam Tafsir al-Maraghi dan Pengaruhnya Terhadap Pengajian Tafsir di Malaysia*. Tesis P.hD. Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bakhiyah Muhammad Ali Ibrahim. (1988). *Al-Shaykh Ahmad Mustafa al-Maraghi wa Manhajuhu fi al-Tafsir*. Disertasi. Mesir: Universiti Kaherah.
- Haziyah Hussin, Mazlan Ibrahim. (2012). *The Trend of Malay Quranic Commentary Writing in Malaysia 20<sup>th</sup> Century*. Journal of Applied Sciences Research 8. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusof. (1995). *Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia*. Tesis P.hD. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahmud Bayuni Fawdah. (1988). *Al-Tafsir wa Manahijuhu ladayya Madrasah al-Imam Muhammad Abduh*. Mesir: Matba'ah al-Amanah.
- Mohd Fauzi Awang. (1964). *Tafsir al-Qur'an al-Karim Juzu 'Amma*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Muhammad Husayn al-Dhahabi. (2000). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Beirut: Dar Yusuf.
- Mustafa Abdul Rahman. (1949). *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*. Pulau Pinang: Persama Press.
- Mustaffa Abdullah, Sedek Arifin. (2012). *The Influence of Egyptian Reformists and its Impact on the Development of the Literature of Quranic Exegesis Manuscripts in the Malay Archipelago*. Art and Social Sciences Journal. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_ (2009). *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Bentong: Book Pro Publishing Services.



- Norhasnira Ibrahim. (July 2013). *The Evolution of Quranic Interpretation Writing in Malaysia from the 17<sup>th</sup> to 21<sup>st</sup> Century*. International Journal of Education and Research. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Yusof Abdullah al-Rawi. (1972). *Tafsir al-Rawi Juzu 'Amma*. Pulau Pinang: Zi United Press.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Solat Hajat dan Doa: Hukum dan Hikmah*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi
- \_\_\_\_\_ (2014). *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah dan Usulnya*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- \_\_\_\_\_ (2012). *Kuasa Iqra' Menguasai Dunia Menikmati Akhirat*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- \_\_\_\_\_ (April 2007). *Pekak, Bisu dan Buta Kemuncak Penghinaan Kepada Orang Kafir* (al-Baqarah 170-171).
- Temubual Dr Mohamad Kamil Ab Majid pada 13 Ogos 2015, beliau bekas pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.